

## AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

## Kawalan, pencegahan zika telah diambil

**SHAH ALAM, 1 Sept.** - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memaklumkan semua langkah kawalan dan pencegahan terhadap zika telah dilakukan dengan sewajarnya apabila kes pertama virus itu dikehaskan di Klang.

Pengarahnya, Datuk Dr. Zailan Adnan berkata, pihaknya juga telah mengkaji dan melakukan pemeratauan teliti terhadap tempat yang pernah dikunjungi pesakit wanita yang disahkan dijangkiti virus berkenaan.

Beliau berkata langkah pencegahan dan kawalan terhadap zika adalah sama seperti mana virus denggi berikutnya kedua-dua penyakit itu dibawa oleh nyamuk aedes.

Sehubungan itu, Dr. Zailan menasihati orang ramai yang tinggal di sekitar kawasan perumahan wanita berkenaan supaya memastikan diri tidak digigit nyamuk selain giat menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.

"Paling penting sekali masyarakat mesti menjaga kebersihan sekeling, pastikan tempat-tempat yang

boleh biak nyamuk dihapuskan.

"Apa salahnya kalau menjadi taksuh untuk menghapuskan tempat pembiakan ini, hanya cara ini virus zika mahupun denggi tidak merebak," katanya kepada *Bernama* ketika dihubungi.

Menurut Dr. Zailan, pesakit wanita berkenaan yang kini dirawat di Hospital Sungai Buloh berada dalam keadaan stabil dan sentiasa dipantau bagi memastikan dia tidak digigit nyamuk.

Beliau seterusnya menyarankan supaya masyarakat memperbanyak pembacaan mengenai virus zika mahupun denggi bagi meningkatkan lagi kefahaman terhadap penyakit berkenaan serta cara mengatasinya.

Sementara itu, Exco Kesihatan Selangor, Dr. Daroyah Alwi dalam satu kenyataan menasihatkan orang ramai terutama yang mempunyai anak kecil supaya mengurangkan kegiatan di luar rumah pada waktu senja dan awal pagi sekurang-kurangnya dalam tempoh seminggu. - **BERNAMA**